

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU**  
**KAWASAN : SARIKEI**  
**TARIKH : 29 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 48**

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah kakitangan Lebuhraya Borneo Utara akan diambil alih oleh Jabatan Kerja Raya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak melibatkan kerja-kerja menaiktaraf jalan sedia ada kepada 4 lorong 2 hala (*dual carriageway*) yang dibahagikan kepada dua (2) fasa sepanjang 1,064 km dari Telok Melano hingga ke Lawas.

Kerajaan hari ini akan tetap menghormati keputusan Kerajaan terdahulu untuk mengubah kaedah pelaksanaan Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak. Berhubung kakitangan-kakitangan Syarikat Lebuh Raya Borneo Utara Sdn. Bhd. selaku Rakan Pelaksana Projek (Project Delivery Partner-PDP), penamatan hampir 500 orang kakitangan tersebut adalah tertakluk kepada terma kontrak masing-masing. Sehubungan itu tiada komitmen oleh Kerajaan bagi menggajikan semula kakitangan-kakitangan tersebut memandangkan Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak telah dilaksanakan secara konvensional.

Sekian, terima kasih.